



## "MENUNTUT ILMU TIADA PENGHUJUNGNYA".1

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ۱۱۱	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ	3
. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.	4
<b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b>  Pada hari yang mulia ini, khatib ingin berpesan kepada diri sendiri dan para hadirin sekalian, marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga dengan ketakwaan yang sebenar-benarnya akan menjadikan kita hamba yang bakal mendapat kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat kelak.	5
Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk " <b>MENUNTUT ILMU TIADA PENGHUJUNGNYA</b> ".  <b>Muslimin yang berbahagia,</b>	6
Menuntut ilmu merupakan suatu kewajiban bagi setiap umat Islam. Dengan ilmu, kita dapat mengenal Allah SWT, dapat melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Bahkan sebagai khalifah atau pemimpin di muka bumi ini juga memerlukan ilmu supaya dapat mentadbir dan memakmurkan bumi Allah SWT ini seperti yang dikehendaki oleh-Nya. Umat Islam yang berilmu turut akan mendapat kejayaan di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat.	7

<sup>1</sup> Al-Mujadalah : 11.



<p>Pentingnya menuntut ilmu sebagaimana dijelaskan dalam Surah al-Taubah ayat 122:</p> <p>وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَآفَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ١٢٢</p>	8
<p><i>"Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaum mereka (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)".</i></p>	9
<p>Menerusi ayat ini Allah SWT memberi kelonggaran kepada orang yang menuntut ilmu agar tidak turut serta pergi berperang supaya tinggal dan berperanan mendidik serta membimbing orang lain.</p>	10
<p>Allah SWT mengangkat darjat orang-orang yang beriman berbanding dengan yang tidak beriman. Dalam kalangan mereka yang beriman pula, Allah SWT mengangkat darjat mereka yang berilmu. Demi menunjukkan bahawa iman dan ilmu merupakan perkara penting yang perlu diberi penekanan bila mana Allah SWT telah menggandingkan dua perkara ini dalam ayat tersebut.</p>	11
<p>Firman Allah SWT sebagaimana disebut di awal khutbah tadi yang bermaksud:</p> <p><i>"Supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu; dan (Allah meninggikan) orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah!) Allah amat mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan".</i></p>	12
<p>Kelebihan lain juga turut dikurniakan oleh Allah SWT bagi mereka yang berusaha untuk menuntut ilmu. Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu 'Anhu bahawa Nabi SAW bersabda :</p> <p>مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ</p>	13



<p><i>"Sesiapa yang menempuh jalan untuk menuntut ilmu, Allah akan memudahkan baginya jalan ke syurga".</i></p> <p><i>(Riwayat al-Tirmizi).</i></p> <p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	14
<p>Jalan untuk menuntut ilmu sentiasa terbuka luas. Banyak universiti yang menawarkan program-program pengajian sepanjang hayat dengan menawarkan kursus-kursus bersijil dan diploma dalam pelbagai bidang termasuk pengajian agama. Malahan, pihak masjid dan surau tidak jemu-jemu mengadakan kuliah dan daurah kitab setiap hari. Begitu juga ilmu boleh didapati daripada ceramah-ceramah dalam TV dan radio oleh para guru dan pendakwah yang bertauliah.</p>	15
<p>Rebutlah peluang menuntut ilmu dalam pelbagai bidang yang disediakan. Walau bagaimanapun, kita hendaklah belajar daripada guru yang diakui ilmunya. Ini penting kerana di zaman sekarang ini, masyarakat terdedah dengan fahaman pelik, ilmu songsang dan sebagainya. Ada yang menjadi ekstrim, melampau, taksab dan pelbagai lagi. Segala penyakit ini sudah pasti ia boleh menjadi barah dalam masyarakat. Maka jalan penyelesaiannya ia tetap memerlukan kepada ilmu.</p> <p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	16
<p>Ilmu juga amat mudah didapati dengan cara membaca. Pilihlah bahan bacaan yang berunsurkan keilmuan, bukan yang berunsurkan hiburan semata-mata. Mewujudkan budaya membaca demi untuk mendapatkan ilmu juga merupakan suruhan daripada Allah SWT</p>	17
<p>SWT seperti mana firman-Nya dalam surah al-'Alaq ayat 1 hingga 5:</p> <p>أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ ١ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ ٢ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ بَرِّهِمْ أَغْنَاءَ ۝ ٣ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ ٤ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝ ٥</p>	18
<p><i>"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; bacalah, dan Tuhanmu yang amat pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya".</i></p>	19



<p>Salah satu tempat yang baik dan sesuai untuk mendalami ilmu pengetahuan ialah dengan mengunjungi perpustakaan. Di samping untuk membaca buku, adakalanya pihak perpustakaan juga turut menganjurkan program-program yang berfaedah buat para pengunjung. Oleh itu, jadikan aktiviti mengunjungi perpustakaan sebagai rutin mingguan agar kita terdedah dengan suasana keilmuan. Selangkah ke perpustakaan sejuta pengetahuan. Teguh keimanan, tinggi keyakinan.</p> <p><b>Hadirin Jumaat yang berbahagia,</b></p>	20
<p>Menuntut ilmu tiada penghujungnya. Sesungguhnya manfaat ilmu itu tidak hanya dirasakan individu itu sahaja bahkan masyarakat sekitarnya akan mendapat manfaat dari ilmu yang dimiliki seseorang itu. Ini kerana, dengan ilmu kita mampu membezakan antara yang benar ataupun salah. Kita dapat membezakan halal dan haram, dosa dan pahala, baik dan buruk serta sebagainya. Maka persoalan-persoalan ini dapat diselesaikan dengan adanya ilmu pengetahuan. Bahkan seseorang itu tidak akan terperangkap pada perbuatan atau tindakan yang salah sama ada tersalah melakukan atau terpengaruh dengan orang lain. Semuanya dapat di atasi dengan baik dengan adanya ilmu.</p>	21
<p><b>Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p> <p>Bagi mengakhiri khutbah, marilah kita semua mengambil pengajaran terhadap perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa menuntut ilmu merupakan sebahagian daripada perintah Allah SWT</li><li>2. Umat Islam hendaklah berterusan menuntut ilmu khususnya ilmu agama sebagai cahaya kehidupan sehingga ke akhir hayat</li><li>3. Umat Islam hendaklah berusaha mendalami ilmu pengetahuan agar dapat melaksanakan segala amal ibadat seperti yang dikehendaki oleh Allah SWT dan mendapat rahmat dari-Nya.</li></ol>	22
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>أَمَّنْ هُوَ قَنْتٌ ءَانَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا رَحْمَةَ رَبِّهِ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي</p> <p>الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ٩</p>	23



<p>“(Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) Hari Akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya? Katakanlah lagi (kepadanya): “Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?” Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pengajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna”.</p> <p>(Surah al-Zumar: 9).</p>	24
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	28
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	29



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
8	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،
9	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
10	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَغُور، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِّلْمَوْضَفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	11
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	12
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiyah atau Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Ajaran Ilmu Shahadah Zikir Nafas oleh Ismail Kassim.</p>	13
<p>Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	14
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	15
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	16
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠٦﴾</p>	17
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	18